

**SURAH-SURAH TERLARANG**  
**Persoalan Nasional**

**Soeloeh Merdeka Publishing** merupakan rumah penerbitan yang bernaung di bawah **Kawah Buku**. Mula ditubuhkan pada September 2018 setelah dua tahun kelahiran **Kawah Buku**, **Soeloeh Merdeka** mengambil nama bersempena akhbar harian di Medan, Indonesia sekitar 1940-an, iaitu tahun-tahun kebangkitan Revolusi Sosial Sumatera Timur dan perang melawan Belanda.

*...tanda negara-bangsa kita telah dewasa ialah  
keupayaan kita sesama sendiri membincangkan  
persoalan nasional secara rasional. Selagi  
persoalan nasional ini tidak tuntas kita belum  
mendewasa.*



**SURAH-SURAH TERLARANG**  
**Persoalan Nasional**

**Hishamuddin Rais**



**Bandar Baru Bangi**

© 2019 Hishamuddin Rais

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Soeloeh Merdeka Publishing.

Diterbitkan di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia  
Dicetak oleh Vinlin Press Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Hishamuddin Rais, 1951-

SURAH-SURAH TERLARANG: Persoalan Nasional /

Hishamuddin Rais

ISBN 978-967-16810-0-8

1. Malaysia—Politics and government.

2. Malaysia—Economic conditions.

3. Malaysia—Social conditions.

I. Title.

320.9595

Suntingan oleh Eshghi Milani, Ahmad Tajuddin,  
Razan Rose dan Mad Koy

Bacaan semak oleh Azan Safar

Konsep dan reka bentuk kulit buku oleh Rana Rembula,  
Amin Landak dan Aizzat Nordin

Cetakan Pertama, 2019

**Soeloeh Merdeka Publishing**

11A Jalan Jernang Jaya 1

Teras Jernang

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor Malaysia

press.kawahbuku.com

## Isi Kandungan

<i>Singkatan Kata</i>	<i>ix</i>
<i>Catatan Penyunting</i>	<i>xi</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xv</i>
<i>Kata Pengantar</i>	<i>xvii</i>
Bab 1 <b>Mukadimah</b>	1
Bab 2 <b>Persoalan Nasional: Manifestasi Kegagalan</b>	9
Bab 3 <b>Persoalan Nasional: Kehadiran <i>Yang Lain</i></b>	17
Bab 4 <b>Persoalan Nasional: <i>Quo Vadis</i> Tanah Melayu?</b>	27
Bab 5 <b>Psike Melayu: Pertembungan Pertama</b>	35
Bab 6 <b>Psike Melayu: Suatu Sejarah Tragedi</b>	43
Bab 7 <b>Psike Melayu: Trauma Pemisahan</b>	51
Bab 8 <b>Psike Melayu: Aparatus Kekuasaan</b>	59
Bab 9 <b>Psike Melayu: Dari Runtuhan Peradaban</b>	67
Bab 10 <b>Psike Melayu: Dikepung dan Terkepung</b>	75
Bab 11 <b>Keperibadian Nasional: Menundukkan Seladang</b>	83
Bab 12 <b>Keperibadian Nasional: Mengangkat Budaya Pentakrif</b>	91
Bab 13 <b><i>Yang Lain</i> Menguasai Ekonomi</b>	99
Bab 14 <b>Kehendak Untuk Berubah</b>	107
Bab 15 <b>Menemukan Keperibadian Nasional</b>	115
<i>Selepas kejatuhan...</i>	
<b>Mengulang Tanya Persoalan Nasional</b>	125
<b>13 Mei—Tanda dan Makna</b>	133
<b>Perihal Identiti dan Melayu</b>	143
<b>Siapa Melayu?</b>	151
<i>Bibliografi</i>	161





## Singkatan Kata

IMDB	Malaysia Development Berhad
AMANAH	Parti Amanah Negara
AMCJA	The All-Malaya Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BERSIH	The Coalition for Clean and Fair Elections
CIA	The Central Intelligence Agency
DAP	Democratic Action Party
ICJ	International Court of Justice
ISA	Internal Security Act
MCA	Malaysian Chinese Association
MPAJA	Malayan People Anti-Japanese Army
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDI-P	Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PKI	Partai Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMIP	Pan-Malayan Islamic Party
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Termiskin
PRB	Parti Rakyat Brunei
PRM	Parti Rakyat Malaya
PUTERA	Pusat Tenaga Ra'ayat



## Catatan Penyunting

Persoalan nasional dalam sebuah negara yang rencam bangsa, budaya, agama dan bahasa rumit untuk diselesaikan. Ianya menuntut kesabaran yang tinggi, tolak ansur yang besar, jiwa yang lapang serta fikiran yang jernih dan tenang untuk merungkaikannya.

Hishamuddin Rais dalam *Surah-Surah Terlarang* mungkin kelihatan seperti ‘kasar’ dan tidak lunak dari sudut gaya bahasanya yang tajam menusuk serta ‘tidak sensitif’ apabila menggunakan beberapa perkataan yang ‘terlarang’ dalam penulisan buku beliau ini. Akan tetapi beliau jujur dan berterus-terang menyatakan buah fikiran serta perasaannya tanpa berselindung. Seperti kata beliau dalam buku ini—persoalan nasional perlu dihadapi seperti seorang *matador* yang memegang tanduk sang seladang jantan secara berhadapan.

Barangkali mungkin ini yang diperlukan untuk memulakan wacana persoalan nasional, suatu persoalan yang sudah lama kita tinggalkan. Kali terakhir perbincangan tentang persoalan nasional diangkat sebagai wacana besar di peringkat kebangsaan ialah di dalam Debat Kebudayaan antara Syed Naguib al-Attas dan Lim Kit Siang pada November 1968. Malangnya kurang daripada enam bulan selepas itu terjadi rusuhan antara kaum 13 Mei 1969.

Sejak daripada itu wacana persoalan nasional diketepikan dari perbincangan arus perdana. Ideologi ‘pembangunanisme’ atau dalam bahasa Inggerisnya ‘*developmentalism*’ menjadi wacana dominan negara. Usaha-usaha untuk meramaikan lagi usahawan dan kelas menengah bumiputera khususnya, menjadi tumpuan utama. Persoalan nasional ditinggalkan dan hanya sekali-sekala sahaja ianya dibangkitkan oleh kelompok-kelompok kecil khususnya dari kaum budayawan dan sasterawan.

Namun di sebalik cantik dan cela pembangunan yang kita sama-sama nikmati di tanah air kita ini, persoalan nasional tetap tak terselesaikan. Malahan manifestasi kepada persoalan nasional yang tak selesai ini dapat kita lihat melalui penggemblengan massa yang semakin gencar dilakukan baik oleh parti-parti politik mahupun organisasi-organisasi masyarakat sivil yang masih terus-menerus menggunakan sentimen etnik dan agama untuk meraih sokongan serta dukungan politik.

Justeru dengan wujudnya ruang demokrasi yang lebih luas sekarang berbanding sebelumnya, kami merasakan perlu untuk diterbitkan dan disunting penulisan Hishamuddin Rais tentang persoalan nasional dengan lebih kemas dan tersusun, agar ianya dapat dijadikan bukan sahaja dokumen perjalanan sejarah pemikiran bangsa kita tetapi juga sebagai wahana untuk membuka kembali perbincangan mengenai persoalan nasional yang telah lama kita pinggirkan.

Membaca *Surah-Surah Terlarang* ini memerlukan pemahaman konteks dan kondisi politik pada waktu ianya ditulis.

Terdapat 19 Bab di dalam buku ini. Bab 1 hingga Bab 15 ditulis sebelum pertukaran kerajaan, iaitu pra-PRU14. Justeru rujukan, perkataan, susunan ayat, tujuan dan sasaran tulisan Hishamuddin Rais dalam bab-bab ini perlu dibaca dalam konteks ketika UMNO dan Najib Razak masih berkuasa.

Manakala tulisan-tulisan beliau berikutnya yang terkandung di dalam Epilog (*Selepas Kejatuhan*) 1 hingga 4 perlu dibaca dalam konteks selepas pertukaran kerajaan yakni pasca-PRU14.

Walau pun terdapat dua konteks yang berbeza ketika bab-bab itu ditulis, namun intipati kepada apa yang ingin disampaikan oleh Hishamuddin Rais tetap relevan. Malahan ianya menjadi lebih relevan lagi apabila selepas kejatuhan UMNO dan Najib Razak, persoalan yang melibatkan isu etnik, agama, budaya, sekolah, bahasa, identiti nasional dan jati diri negara-bangsa Malaysia menjadi lebih panas dan hangat lagi. Suatu manifestasi yang menurut Hishamuddin Rais dalam bukunya ini terhasil akibat daripada kegagalan untuk menyelesaikan persoalan nasional.

Walaupun tulisan Hishamuddin Rais ini telah kami sunting tapi suntingan kami itu dibuat dengan kesedaran untuk seboleh mungkin mengekalkan gaya dan “suara” Hishamuddin Rais. Justeru, kata-kata beliau yang adakalanya ‘kasar’ dan ‘sinis’ serta punya ‘tujuan

tersirat' kami kekalkan susunan ayat dan ejaannya.

Kami juga telah menyediakan nota kaki untuk para pembaca agar pengalaman membaca itu tidak hanya sehalal yakni bersama penulis dan pandangan beliau semata-mata tetapi juga terdapat rujukan-rujukan lain yang boleh membantu pembaca mendapatkan sumber maklumat yang mendasari analisis Hishamuddin Rais dalam buku beliau ini. Dalam nota kaki yang disediakan, kami turut memasukkan huraian makna terhadap beberapa perkataan dan istilah konsep yang digunakan oleh Hishamuddin Rais sebagai pengetahuan tambahan buat para pembaca.

Kami juga turut menyediakan bibliografi lengkap buku-buku yang menjadi rujukan kami ketika semakan dibuat untuk memastikan ketepatan fakta khususnya fakta-fakta tentang sejarah lampau yang digunakan oleh Hishamuddin Rais.

Walau pun buku ini bentuk, isi dan bahasanya adalah dari jenis buku popular dan bukan buku akademik yang memerlukan nota kaki, rujukan dan bibliografi tapi kami ingin menawarkan sedikit kelainan dan keistimewaan kepada para pembaca agar pengalaman membaca yang diperolehi daripada buku ini lebih menyeluruh, intim dan dapat memberi manfaat, ilmu pengetahuan serta pemahaman yang lebih mendalam.

Akhir kata kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pembaca *Surah-Surah Terlarang*. Harapan kami agar buku ini selain daripada dapat memberi ilmu dan manfaat ianya juga menjadi kunci yang membuka pintu yang lebih luas kepada perbincangan tentang persoalan nasional.

*Bunga Selaseh Kembang Di Taman  
Dipetik Sempat Sebelum Berjatuhan  
Terima Kaseh Pembaca Budiman  
Semoga Mendapat Ilmu Pengetahuan*

Selamat Membaca!

**Sidang Penyunting**  
Soeloch Merdeka  
Bandar Baru Bangi



## Penghargaan

*Surah-Surah Terlarang* adalah siri tulisan saya yang telah dan pernah disiarkan dalam kolum saya *Dari Brickfield*. Kolum ini muncul setiap Selasa di *Suara Keadilan*, akhbar mingguan Parti Keadilan Rakyat. Siri tulisan ini muncul pada tahun 2017—2018.

Tulisan ini juga muncul pada hari Rabu di *MalaysiaKini* dan di blog *Tukar Tiub*.

Rampaian tulisan ini telah diurus untuk dijadikan buku oleh ramai kawan-kawan. Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Sosok awal yang membuat cadangan dan kemudian mengumpul dan menyunting tulisan-tulisan ini ialah usaha kerjasama antara Eshghi Milani dan Mad Koy. Mereka berdua telah mengkademiakan tulisan popular ini dengan rujukan dan nota kaki.

Kemudian muncul kawan-kawan dari Kawah Buku dengan sosok Azan Safar, Ahmad Tajuddin, Rana Rambula dan Razan Rose yang membantu proses suntingan lanjut dan mengusahakan penerbitan *Surah-Surah Terlarang*.

Kartunis Amin Landak bertindak sebagai pakar runding dalam pembikinan susunan dalaman dan reka bentuk kulit buku. Aizzat Nordin pula terlibat dalam reka bentuk akhir kulit buku. Manakala Acino Seth dan Rana Rambula menjadi jurugambar. Sidiqin Omar sebagai pereka set untuk sesi fotografi. Aiman Hakim meminjamkan *typewriter* sebagai *prop*.

Dari *Surah-Surah Terlarang*, ianya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris menjadi *Speaking The Unspeakable*. Kerja terjemahan ini dilakukan oleh saudara Razan Rose. Kemudian, dibantu susul oleh Radzi Razak. Akhirnya kawan saya, Dina Fuad Luke membuat bacaan semak terakhir. Terima kasih. Amin.

Saya juga wajib menyatakan terima kasih kepada saudara Rahman Embong yang sudi menulis Kata Pengantar. Saudara Rahman adalah guru rujukan saya pada tahun-tahun 1970'an ketika saya masih lagi anak mahasiswa. Saya mendapat pencerahan ideologi kiri dari saudara Rahman melalui tulisan beliau dalam *The New Malayan Youth* yang diterbitkan dari London. Majalah *saikostyle* ini yang diposkan secara rambang ke Rumah Persatuan Universiti Malaya.

Pulang dari London saudara Rahman menjadi guru di Universiti Kebangsaan, Jalan Pantai. Beliau bersama Allahyarham Ishak Shaari dan Sabiha Samad telah menerbitkan *The Truth*, sebuah majalah bulanan. *The Truth* membuka minda dengan tulisan dan rencana garis kiri. Sampai siri ke-7, *The Truth* diharamkan oleh kerajaan *United Malays National Organisation* pada tahun 1973.

Seyogia saya maklumkan dengan sokongan dan bantuan kawan-kawan inilah yang membolehkan buku ini diterbitkan.

Saya juga wajib merakamkan terima kasih kepada Ezi, Tak Tak, Piggy dan Sepang. Mereka tidak mengganggu saya. Sepang tidak pernah bersuara. Manakala Ezi dan Tak Tak dengan setia duduk di tepi meja. Mereka memerhati saya menetik komputer. Tanpa mereka, hidup saya tidak selumayan sekarang.

Akhirnya kepada semua pembaca kolum saya, juga kepada pembaca *Tukar Tiub* yang suka dan yang membenci blog saya—terima kasih.

Marilah kita rayakan hidup ini. Hidup hanya sekali. Mari kita rayakan budaya membaca. Mari kita sama-sama memecah ruyung. Mari kita rayakan budaya berfikir dan bertanya—apakah itu *Persoalan Nasional*. Amin.

**Hishamuddin Rais**

Le Chateau  
Lorong Syed Putra Kiri  
50460 Kuala Lumpur

10 Mac 2019



## Kata Pengantar

Buku karangan karya Hishamuddin Rais, *Surah-Surah Terlarang: Persoalan Nasional* setebal kira-kira 180 halaman ini memang sebuah karya yang provokatif, penuh dengan polemik tetapi menarik. Seperti yang terserlah dalam pelbagai bab buku ini dan juga dalam medan-medan yang lain, Hishamuddin Rais bukan semata-mata seorang aktivis yang pantang undur dan tidak pernah kenal penat lelah.

Satu lagi dimensi penting yang ada pada diri beliau tetapi kurang diberikan pengiktirafan ialah beliau mempunyai daya fikir tersendiri yang boleh mencabar dan menggugah minda khalayak pendengar mahupun pembaca. Buku ini adalah bukti keupayaan daya fikir beliau yang imaginatif, kreatif dan seringkali original. Ianya adalah sumbangan terbaharu kepada khazanah ilmu mengenai persoalan nasional di Malaysia.

Karya ini memang ‘provokatif’ dari segi politik dan juga pemikiran kerana ia cuba menjolok minda kita supaya berfikir lebih mendalam mengenai suatu persoalan kunci tanah air yang dari segi politik dan sosial belum berjaya diselesaikan secara tuntas walaupun negara kita sudah lebih enam dasawarsa merdeka. Karya ini juga mengundang ‘polemik’ bukan semata-mata kerana temanya, tetapi juga gaya tulisan dan ajuan persoalannya yang bersifat berbahas, mencabar, disulami sana sini dengan nada yang bersifat terjah dan panas. Buku ini ‘menarik’ kerana ia bukan sahaja melontarkan persoalan ilmu yang bersifat teori dan epistemologi tetapi juga bersifat historis dan empiris. Perkara teori yang membimbing pemikiran mengenai persoalan nasional harus dijelmakan untuk membimbing praktis yang menyentuh agenda perjuangan anti-kolonial untuk kemerdekaan, agenda perjuangan bangsa serta pembangunan negara baharu yang merdeka, berdaulat dan bersatu.

Dilihat dari perspektif sejarah, persoalan nasional berkaitan dengan *nasion*, nasionalisme dan pembinaan negara-bangsa. Ia muncul dalam sejarah di pelbagai wilayah atau negara di dunia yang dihuni oleh manusia yang terdiri daripada pelbagai bangsa atau kaum yang berjuang untuk menegakkan hak masing-masing dalam hubungan dengan bangsa atau kaum lain di wilayah berkenaan, dan juga dalam pembentukan negara-bangsa.

Di negara maju seperti United Kingdom, persoalan nasional muncul dalam kalangan bangsa Irish, Scottish dan Welsh dalam hubungan dengan bangsa Inggeris serta dalam pembentukan dan pemantapan negara United Kingdom.

Di Negara China moden, persoalan nasional wujud di negara besar dengan penduduk sejumlah 1.4 bilion itu yang mempunyai 56 kumpulan etnik di mana terdapat 55 etnik minoriti seperti Tibet, Mongol, Uighur, Uzbek, Tartar, dan sebagainya. Mereka tinggal sebahagian besarnya mengikut wilayah masing-masing dan menikmati hak autonomi wilayah dalam kerangka negara besar China dan juga dalam hubungan dengan etnik Han, kelompok yang terbesar di negara itu.<sup>1</sup>

Di negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia, kepelbagaiannya dicorakkan sebahagiannya pada zaman sejarah prakolonial namun proses yang berlaku pada zaman penjajahan lebih banyak mencorakkan kemajmukan khususnya dari segi etnik dan budaya serta membentuk dan mempengaruhi persoalan nasional pada zaman pasca-penjajahan. Namun dalam perbincangan persoalan nasional, kita menghadapi masalah pemilihan istilah yang sesuai untuk membincangkan secara tepat konsep yang dalam bahasa Inggeris disebut '*nation*' kerana kesukaran mencari persamaannya dalam bahasa Melayu. Sementara '*nation*' dalam bahasa Inggeris mempunyai makna yang persis iaitu suatu 'komuniti politik' dan bukan 'komuniti etnik', namun dalam bahasa Melayu, istilah bangsa yang sering digunakan tidak begitu persis kerana ia mempunyai ketaksaan makna, yakni mempunyai lebih daripada satu makna.

---

<sup>1</sup> Terdapat perdebatan dalam kalangan ilmuan China tentang penggunaan istilah 'etnik' atau 'bangsa' bagi merujuk kepada penduduk mereka yang pelbagai itu. Untuk memendekkan perbincangan ini, dalam tulisan ini, penulis menggunakan istilah 'etnik' seperti mana digunakan di Negara China oleh pihak resmi.

Seperti pernah saya hujahkan sebelum ini (lihat Abdul Rahman Embong, 2000, *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan*: halaman 12-13; juga edisi kedua buku ini yang terbit pada 2006, halaman 21-22):

*...(istilah) bangsa mempunyai makna yang agak rencam yang boleh membawa maksud satu kelompok manusia yang berdasarkan ciri fizikal, iaitu ras dan keturunan... (ataupun) bermaksud kaum yang bererti satu kumpulan etnik berdasarkan ciri budaya; dan juga boleh bermaksud satu komuniti politik dalam wilayah tertentu, seperti nation dalam bahasa Inggeris...*

Oleh sebab kesukaran ini, maka saya kadang-kadang menggunakan istilah *nasion* (daripada perkataan Inggeris ‘*nation*’) untuk bermaksud ‘bangsa’. Saya berpendapat istilah *nasion* boleh dan wajar diterimapakai walaupun ia kurang digunakan oleh masyarakat umum. Sekiranya istilah nasionalis dan nasionalisme—yang kata akarnya ialah *nation* dalam bahasa Inggeris—sudah begitu mantap dan sehati dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu, tidak ada alasan yang kukuh untuk tidak menerima kata akarnya *nasion* untuk bermaksud suatu ‘komuniti politik’, bukan suatu komuniti etnik atau ras. Justeru dalam tulisan ini, saya menggunakan istilah bangsa dan *nasion* secara bertukar ganti.

Selain permasalahan semantik, bagi kita di Malaysia terdapat pula permasalahan yang lebih besar, iaitu permasalahan politik tentang pembentukan *nasion* itu sendiri. Sebagai asas perbincangan, saya pernah mendefinisikan konsep *nasion* sebagai “*suatu komuniti orang ramai [komuniti politik] yang terbentuk dalam sejarah, yang dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta mempunyai unsur-unsur subjektif bersama... yang merangkumi bahasa, budaya, sastera dan nama bersama yang dikongsi bersama.*”

Terbit daripada takrif ini, Bangsa Malaysia yang sering disebut dalam naratif politik dalam dekad-dekad kebelakangan ini pula bermaksud “*bangsa yang terdiri daripada semua kaum di Malaysia yang terbentuk dalam sejarah dan mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (bangsa Malaysia) yang sama serta berkongsi*

*wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang sepunya.”<sup>2</sup>*

Bertolak daripada pengertian yang dihuraikan di sini, kita dapati dalam perjuangan kemerdekaan melawan kolonial Inggeris, kita tidak mempunyai kesepakatan mengenai satu bangsa atau *nasion*, apakah lagi rupa bangsa *nasion* itu. Ini berbeza dengan Indonesia yang menyaksikan kelahiran bangsa Indonesia dalam kancah perjuangan kemerdekaan melawan Belanda di mana negara dan bangsa Indonesia diproklamirkan apabila Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945.

Di Malaysia, PUTERA-AMCJA yang merupakan gabungan barisan bersatu pelbagai kaum yang pertama kali wujud dalam sejarah negara kita berpotensi merungkaikan persoalan nasional. Ini kerana ia berjaya membawa kesepaduan yang dituangkan dalam wadah Perlembagaan Rakyat dan mengusulkan ‘Melayu’ sebagai rupa bangsa bagi Malaya yang merdeka. Namun, gagasan ini dihancurkan oleh penjajah Inggeris dengan Perisytiharan Darurat pada Jun 1948. Perikatan UMNO-MCA-MIC yang lahir kemudian dengan sokongan Inggeris gagal membentuk satu kesepakatan bangsa yang utuh kerana parti masing-masing berasaskan kaum dan tidak ada sebarang ideologi yang memungkinkan kesepakatan membangunkan satu bangsa yang sepunya.

Justeru apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, dan seterusnya Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963, kita hanya memiliki sebuah negara dan warganegara tanpa pembentukan bangsa kerana ‘bangsa’ atau ‘*nasion*’ itu belum benar-benar dilahirkan.

Justeru agenda utama negara kita setelah merdeka ialah pembinaan suatu bangsa yang inklusif terdiri daripada berbilang kaum yang tinggal dalam wilayah yang sama, yang bersatu dengan identiti sepunya dan berkongsi impian masa hadapan bersama. Agenda pembinaan *nasion* di Malaysia merupakan usaha dari ‘bawah ke atas’ (*bottom up*) dan juga dari ‘atas ke bawah’ (*top down*). Usaha dari bawah merupakan gerakan daripada kalangan parti politik, masyarakat sivil dan tokoh-tokoh intelektual, sasterawan dan wartawan serta tokoh pendidik yang bergerak untuk

---

2 Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.

mencapai kesepakatan mengenai konsep ‘*nasion*’.

Usaha ‘dari atas’ terjelma dalam bentuk ungkapan rasmi ke arah pembinaan bangsa. Usaha sedemikian terjelma dalam Wawasan 2020 yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991. Dalam Wawasan 2020 dinyatakan bahawa pembentukan Bangsa Malaysia merupakan cabaran yang pertama yang perlu ditangani bagi mencapai status Malaysia sebagai negara maju menurut acuan sendiri, tetapi pengisian ‘negara maju’ mahupun ‘Bangsa Malaysia’ berdepan dengan pelbagai halangan dan penyimpangan disebabkan kepentingan politik dan kepuakan, justeru ia masih belum terlaksana sehingga ke hari ini.

Memang benar seperti yang dinyatakan oleh Hishamuddin Rais dalam *Surah-Surah Terlarang*, kita masih bergelut dengan persoalan ini baik di peringkat bawah mahupun di peringkat kalangan atas yakni pemimpin, dan pemahaman mengenainya terus menerus bersimpang-siur menghantui kita.

Hishamuddin Rais tidak mendakwa bukunya berjaya memberi pencerahan ataupun jawapan yang tuntas tetapi ianya bertujuan untuk menarik perhatian kepada peri pentingnya persoalan nasional dibicarakan. Mungkin sebahagian pembaca tidak akan bersetuju dengan Hishamuddin Rais dalam huraianya mengenai persoalan nasional. Ini memang wajar. Namun sekiranya buku ini berjaya menggamit pemikiran untuk membahaskan persoalan nasional secara saksama dan objektif dengan memanfaatkan perspektif sejarah jangka panjang dan mengambil kira perubahan dan kerencaman yang ada, serta menganjak paradigma pemikiran mengenainya, buku ini boleh dikira sudah berjaya. Dalam buku saya *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan* (Penerbit UKM edisi ke-2, 2006: 13) yang membicarakan persoalan nasional, saya pernah mengusulkan:

*...bangsa Malaysia yang sedang dibina dan berkembang haruslah sebuah nasion pelbagai kaum yang inklusif sifatnya. Jalan ke hadapan untuk mencapai matlamat ini ialah di samping menghormati dan meraikan kepelbagaian, kita haruslah menggembleng dan memadukan dengan baik dua prinsip penting iaitu mengakui dan menghormati kesinambungan sejarah sebagai landasan*

*serta mengambil kira perubahan dan realiti semasa. Kita harus menghormati dan memelihara kesinambungan sejarah kerana tanpanya, negara dan bangsa kita tidak akan mempunyai landasan yang kukuh dan kita kehilangan jati diri. Namun pada masa yang sama, kita perlu mengakui dan mengambil kira realiti semasa dan menyesuaikan prinsip kesinambungan sejarah itu dengan perubahan yang berlaku. Tanpa mengekalkan kesinambungan sejarah dan menerima perubahan baharu, kita sama ada akan terus dibebani oleh nostalgia sejarah, ataupun kita hanya akan menitikberatkan realiti semasa dan mengabaikan sejarah. Kedua-dua sikap ini tidak akan dapat membawa kita maju ke hadapan atau pun membina perpaduan nasional. Untuk melangkah ke hadapan, minda kita mesti berubah menjadi lebih terbuka dan berpandangan jauh...*

Sesungguhnya, pada hemat saya, persoalan nasional bukanlah ‘surah-surah terlarang’. Sebaliknya persoalan nasional merupakan ‘surah-surah yang mempesonakan’ tetapi sukar dan berat untuk dibenahi, dihurai dan dicari penyelesaian secara memuaskan. Saya berpendapat kekusutan persoalan nasional boleh dipecahkan, antara lain, dengan mengambil kira kekhususan sejarah sesuatu bangsa dan negara serta ciri-ciri khusus bangsa dan negara itu.

Namun itu sahaja tidak mencukupi.

Kita masih perlu bersedia secara subjektif untuk membuka diri menerima ‘*Yang Lain*’ manakala dari segi pemikiran pula, kita perlu mempunyai kerangka teori dan pendekatan yang sesuai. Kita juga perlu menghayati dan mengakui fakta sejarah kedudukan bangsa-bangsa di rantau ini di samping bersama-sama menerima perubahan baharu dan meraikan kepelbagaian.

Namun dalam analisis akhir, walaupun persoalan nasional memang kusut dan boleh menimbulkan kontroversi, para pejuang ‘persoalan nasional’ harus akur dan berpegang pada hakikat bahawa bangsa-bangsa dan kaum di dunia termasuk di negara kita adalah sebahagian daripada keluarga besar umat manusia. Seperti

diungkapkan oleh Pramoedya Ananta Toer, sasterawan agung Nusantara dan pengarang karya besar quartet *Pulau Buru*, kita adalah ‘Anak Semua Bangsa’ yang menghuni ‘Bumi Manusia’, justeru usah kita mempertahankan kepuakan tanpa asas dan membeza-bezakan sesama manusia.

Bangunkanlah kesefahaman, kesepakatan dan kesejahteraan untuk semua tanpa mengira bangsa.

**Profesor Emeritus Dato’ Dr. Abdul Rahman Embong**  
Profesor Emeritus Sosiologi Pembangunan  
Mantan Felo Utama IKMAS  
Universiti Kebangsaan Malaysia

26 Februari 2019





# 1

## Mukadimah

*...apakah Bani Melayu telah  
hilang kompas moralnya?*

**A**da yang tidak kena. Saya yakin sekali memang ada sesuatu yang masih liar mengganggu. Gangguannya seperti tulang ikan terubuk tersangkut di tekak. Sebentar hilang, kemudian muncul menyakitkan kembali. Tapi saya yakin apa yang akan saya surahkan dalam buku ini bukan tulang ikan terubuk. Perkara yang akan saya timbulkan ini lebih merbahaya daripada tulang terubuk. Malah lebih bahaya daripada racun saraf VX yang berjaya membunuh Kim Jong Nam di KLIA.

Bab ini adalah mukadimah tentang keracunan negara. Mukadimah tentang tembok beracun yang selama ini menggagalkan garis tepat tamadun bangsa di ‘Tanah

Melayu'<sup>1</sup>. Saya menggunakan istilah Tanah Melayu kerana pada hemat saya inilah agenda utama yang ingin saya rungkai secara tuntas. Perkara yang ingin saya surahkan dan cuba rungkai ialah perkara tanah dan perkara Melayu. Wacana yang ingin saya buka ialah agenda tanah dan agenda Melayu.

Persoalan yang ingin saya surahkan pada hemat saya amatlah penting. Untuk rakaman sejarah, kali pertama saya telah menimbulkan perkara ini secara terbuka ialah di hadapan 40 orang China<sup>2</sup>, seorang Benggali dan tiga lelaki India daripada Polis Cawangan Khas yang dihantar khusus untuk merakam apa yang saya tuturkan. Saya membuat ucapan di Ipoh dalam sebuah forum anjuran Parti Tindakan Demokratik (*Democratic Action Party*, atau DAP) sebulan sesudah BERSIH 5.<sup>3</sup>

Kali kedua saya menimbulkan perkara yang sama ialah di hadapan 26 orang China dan dua orang lelaki India dalam sebuah jamuan makan malam Tahun Baru China pada 18 Februari 2017. Kali ketiga saya menimbulkan perkara yang sama pada malam 25 Februari 2017 di hadapan 18 orang

---

1 Istilah 'Tanah Melayu' adalah istilah lama yang digunakan dalam kesusasteraan Melayu Klasik sejak kurun ke-17. Pertama kali kata 'Tanah Melayu' muncul adalah dalam sebuah teks Bahasa Melayu berjudul *Taj al-Salat*in iaitu sebuah manuskrip tulisan jawi yang dianggarkan bertarikh sekitar tahun 1602-1603. Kata 'Tanah Melayu' paling banyak ditemui dalam *Hikayat Hang Tuah* (digunakan sebanyak 46 kali) sebuah teks bertarikh sekitar 1700an. 'Tanah Melayu' dalam teks-teks lama Melayu umumnya merujuk kepada wilayah-wilayah yang berada di bawah pemerintahan dan kekuasaan Raja-Raja Melayu.

2 Penulis menggunakan istilah 'China' untuk merujuk kepada komuniti Cina di Malaysia. Kata 'China' dalam buku ini umumnya membawa maksud masyarakat Cina Malaysia. Manakala negara China pula ditulis sebagai 'China Merah'.

3 Perhimpunan BERSIH 5 telah berlangsung pada 19 November 2016.

China dan dua orang Melayu dalam sebuah jamuan makan malam untuk kenalan lama saya dari London.

Perkara yang ingin saya lakar di sini telah lama berlegar dalam kepala saya. Kadangkala ia muncul, kadangkala ia hilang. Semua bergantung kepada keadaan politik semasa. Ianya seperti serpihan batu dalam kasut—terus mengganggu. Justeru, pada hemat saya perkara ini wajib dicari jalan penyelesaian. Malah perkara ini telah berpuluh kali saya bincangkan dengan kawan-kawan rapat. Mendengar pandangan mereka dan melihat jalur fikrah daripada apa yang saya timbulkan. Dalam masa yang sama saya cuba menyusun fikrah sendiri untuk melakar tulisan ini.

Awal bulan Februari 2017 saya telah ditanya oleh seorang aktivis Melayu daripada DAP. Si polan itu telah bertanya tentang keadaan politik negara kita hari ini. Dia juga bertanya kenapa ‘Bani Melayu’<sup>4</sup> masih lagi bersama *United Malays National Organisation*?<sup>5</sup>

Perhatikan dengan rapi. Saya merakamkan identiti bangsa setiap sosok yang telah mendengar apa yang saya ucapkan. Pembaca mungkin bertanya—kenapa saya sebut identiti bangsa orang yang mendengar apa yang saya tuturkan?

---

4 Dalam buku ini penulis banyak menggunakan istilah ‘bani’ untuk merujuk kepada kumpulan etnik yang ada di Malaysia dan juga kumpulan ‘bangsa’ yang ada di luar Malaysia. Jarang sekali penulis menggunakan istilah-istilah seperti ‘kaum’, ‘bangsa’, ‘ras’, ‘etnik’ atau ‘orang’ untuk merujuk kumpulan-kumpulan ini. ‘Bani’ dalam Kamus Dewan Edisi Keempat bermakna anak cucu; keturunan.

5 Penulis juga tidak pernah menulis nama singkatan buat *United Malays National Organisation* atau UMNO dalam buku ini. Semua perkataan yang merujuk kepada UMNO, penulis menggunakan nama penuh UMNO dalam Bahasa Inggeris.

Apakah persoalan identiti bangsa mereka yang mendengar ucapan saya itu penting? Untuk saya secara peribadi—ini amat penting dari sudut rakaman sejarah. Kerana apa yang akan saya timbulkan ini adalah sambungan daripada pensejarahan Tanah Melayu. Persoalan yang akan saya bangkitkan ini pada hemat saya amat besar sekali. Lebih bertahan dari Gunung Tahan, lebih berlarutan dari Bukit Larut dan lebih tinggi dari Bukit Tinggi.

Apa dia persoalan itu? Sebelum saya merungkai dan menerangkan apa persoalan itu, saya wajib berlaku jujur untuk menerangkan latar yang menimbulkan persoalan itu.

Warga Malaysia telah membaca. Bani Melayu dari semua kelas ekonomi telah mendengar. Daripada Tan Sri ke Datuk, ke pemandu teksi ke Mak Cik warung—semua melihat. Warga negara-negara ASEAN yang peka politik sudah tahu. Warga Asia di China, India dan Jepun yang membaca akhbar pasti telah terbaca. Warga dunia dari Amerika Syarikat ke Switzerland telah melihat di kaca TV dan membaca di akhbar masing masing.

Apa yang mereka lihat? Apa yang mereka baca? Apa yang mereka tahu?

Mereka dan kita telah membaca, melihat, mendengar dan tahu bahawa Najib terlibat dalam kes mencuri duit negara. Ini kes rompakan yang paling besar dalam sejarah dunia. Belum pernah terjadi rompakan yang teratur seperti ini. Malah belum pernah berlaku dalam sejarah dunia, sehinggakan Jabatan Peguam Negara Amerika Syarikat terpanggil untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kes yang melibatkan Najib Razak dan konco-konconya. Kita warga

Malaysia juga tahu tentang keterkaitan Najib dalam kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu. Kita membaca siapa Sirul Azhar dan siapa Azilah Hadri. Kita diberitahu Razak Baginda adalah kawan rapat Najib Razak. Kita diberitahu oleh mendiang penyiasat persendirian P. Balasubramaniam tentang hubungan Najib Razak dengan Altantuya.

Satu Malaysia juga telah mendengar kes pembunuhan peguam Kevin Morais yang bekerja di pejabat Peguam Negara. Kita juga telah terbaca bagaimana seorang pemilik bank yang bernama Hussain Najadi telah ditembak mati. Mengikut surah Charles Morais, abang si Kevin, adiknya telah terlibat dalam kes 1MDB. Bila disebut 1MDB maka muka yang muncul hanyalah muka Najib. Pascal Najadi, anak kepada Hussain yang mendirikan AmBank telah mendakwa bahawa pembunuhan ayahandanya bukan kerana perebutan harta tanah tapi berkait rapat dengan salahguna kuasa dan rasuah dalam AmBank. Bila disebut AmBank, maka muka Najib akan muncul lagi. Ini kerana mengikut laporan *Sarawak Report*, duit 2.6 bilion ringgit yang dirompak dari 1MDB telah disalur masuk ke dalam akaun peribadi Najib melalui AmBank.

Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia secara terbuka telah menyatakan kepada umum bahawa Najib adalah seorang pencuri, penyamun dan penyangak. Mahathir juga telah menuduh Najib sebagai pencuri di Konvensyen Reformis Malaysia pada 25 Februari 2017. Mengikut kata Mahathir, si penyamun bernama Najib wajib disingkir daripada berkuasa. Malah Mahathir sedang bekerja keras bukan sahaja untuk menjatuhkan Najib bahkan beliau mahu

menghancurkan *United Malays National Organisation*.

Pada satu ketika dahulu Mahathir adalah presiden parti tersebut. Presiden terkini dan terbaru parti ini ialah Najib sendiri. Najib dikatakan terlibat dalam kes bunuh. Najib dituduh terlibat kes rasuah pembelian kapal selam *Scorpene*. Najib dikatakan terlibat dalam kes rompakan 1MDB.

Tetapi kenapa Bani Melayu masih menyokong Najib?

Inilah persoalan mutakhir kurun ini. Persoalan tentang Bani Melayu yang akan saya cuba jawab. Saya akan cuba cari kenapa dan mengapa—sebab dan musabab. Di mana puncanya? Ke mana berakhirnya soalan ini? Soalan tersebut—*kenapa Bani Melayu masih menyokong Najib*—menjadi persoalan induk yang akan membuka wacana ini.

Najib secara jelas adalah orang jahat—seorang pencuri dan perasuah. Kita, daripada kumpulan rasional yang memiliki fikiran seimbang menjadi pelik lagi takjub. Malah sesiapa sahaja yang berfikir secara rasional akan bertanya: mengapa Bani Melayu masih setia kepada Najib? Mengapa ahli *United Malays National Organisation* masih sedia dipimpin oleh seorang pencuri?

Soalan ini perlu mendapat jawapan. Soalan ini wajib dikaji dan dirungkai secara ilmiah. Ini adalah kerana kes Najib seorang pencuri bukan sahaja menjadi persoalan untuk diri saya. Malah masyarakat dunia juga sering tertanya-tanya mengapa warga Malaysia dapat menerima pencuri sebagai Perdana Menteri. Hakikatnya setiap sosok yang memiliki fikiran yang rasional akan mengeluarkan pertanyaan yang sama.

Soalan ini menimbulkan satu lagi soalan—apakah Bani Melayu telah hilang kompas moralnya? Apakah Bani Melayu yang mengakui beragama Islam telah juga hilang pegangan agamanya? Amalan—amar makruf nahi mungkar—yang saban saat dilaungkan oleh para pendakwah, kini telah dijambankan. Ajaran agama Islam yang meletakkan kejujuran, kesucian dan berkata benar sebagai rukun iman kini telah ‘terpancut’ hilang.

Apa ertinya ini? Apakah ada kuasa yang lebih besar dari kuasa agama? Apakah kuasa ini begitu besar sekali hingga ianya boleh mengetepikan ajaran para Nabi? Apakah Bani Melayu tidak dapat lagi melihat apa yang salah dan apa yang betul? Apakah benar yang lebih berkuasa dari ajaran Nabi ialah kuasa ‘dedak’<sup>6</sup>?

Maka timbul hujah yang menjawab bahawa Bani Melayu terus setia dengan Najib kerana kuasa dedak.

Untuk saya hujah ini separuh betul dan separuh salah. Bukan semua Bani Melayu mendapat dedak. Bukan semua Bani Melayu menjadi Peguam Negara, bukan semua Bani Melayu menjadi Gabenor Bank Negara. Bukan semua Bani Melayu menjadi Ketua Polis Negara. Bukan semua Bani Melayu menjadi *CEO* kepada syarikat kerajaan. Bukan semua Bani Melayu mendapat kontrak PETRONAS. Bukan semua Bani Melayu mendapat projek LRT dan MRT. Bukan semua Bani Melayu yang berserban dan bertakwa seperti Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia (PAS) akan berjaya memiliki kereta Porsche. Bukan semua Bani Melayu memiliki duit

---

6 ‘Dedak’ dalam buku ini membawa maksud wang atau projek atau kontrak yang disogok untuk mendapatkan kesetiaan.

untuk membelikan kereta Audi Q7 sebagai hadiah untuk isteri nombor dua. Bukan semua Bani Melayu mendapat dedak berjuta ringgit seperti kata Husam Musa.

Bukan bukan bukan.

Terbukti sahih bahawa dedak bukan sebab Bani Melayu hilang kompas moralnya. Dedak bukan sebab kenapa Bani Melayu hilang kompas agamanya. Justeru saya menolak dedak sebagai sebab-musabab kenapa Bani Melayu terus menyokong Najib. Jika dedak bukan jawaban, maka apakah boleh ditakrifkan bahawa Bani Melayu yang menyokong Najib adalah dari kumpulan mereka yang bangang, bodoh dan bebal?

Ini juga tidak tepat. Ini juga satu pandangan yang songsang lagi tidak ilmiah. Malah sesiapa yang berpendapat bahawa Bani Melayu yang menyokong Najib terdiri dari kumpulan orang bodoh telah melakukan satu kesilapan. Kesilapan ini muncul daripada sikap sombong dan angkuh yang berpendapat bahawa dia sahaja yang betul, orang lain semua bodoh.

Tali yang mengikat sokongan Bani Melayu kepada Najib adalah *persoalan nasional*. Apa yang menjadikan *United Malays National Organisation* terus berkuasa selama 60 tahun ialah persoalan nasional. Pada hemat saya, persoalan nasional ini masih belum selesai. Persoalan nasional inilah yang menjadi sebab-musabab keadaan politik kita hari ini. Pencuri, penyamun dan pembunuh bebas bermaharajalela tetapi yang jujur dan ikhlas ditangkap, dibunuh dan dipenjara.

Apa itu persoalan nasional? Bab ini hanya surah awal, mukadimah untuk membuka wacana.